

NO. SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 5 APRIL 2017 [RABU]

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia diberi kuota haji mengikut kaedah 1% daripada penduduk Malaysia dan ini bererti 28,000 yang layak. Berapakah daripada jumlah ini diperuntukkan kepada Negeri Sabah.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pengagihan atau peruntukan kuota khas kepada mana-mana negeri di Malaysia. *TH* mengamalkan sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep yang mendaftar dahulu didahulukan sejak dari 1995. Sehubungan itu, pemilihan bakal haji untuk menunaikan fardhu haji setiap tahun adalah berdasarkan tarikh dan masa pendaftaran haji mereka. Tawaran untuk menunaikan haji ke Tanah Suci akan dibuat kepada mereka yang telah tiba giliran pada tahun semasa.

Berhubung dengan jumlah kuota haji Malaysia, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada tahun 1978 di Amman, Jordan, telah memutuskan bahawa Kerajaan Arab Saudi menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1 % daripada penduduk sesebuah negara berasaskan perangkaan Prospek Populasi Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation's World Population Prospect*).

Bersempena dengan lawatan negara Raja Salman bin Abdul Aziz Al Saud, Raja Arab Saudi ke Malaysia baru-baru ini, kadar kuota rasmi haji Malaysia daripada 27,900 orang meningkat kepada 30,200 orang jemaah sebagaimana yang dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa menjawab Waktu Pertanyaan Menteri pada 16 Mac 2017 yang lalu. Sehubungan itu, Lembaga Tabung Haji (TH) telah menerima maklumbalas dari Kerajaan Arab Saudi bahawa kuota rasmi haji Malaysia bagi musim haji 1438H/2017M adalah sebanyak 30,200 orang.

Sekian, terima kasih.